

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS (JELEBU)**
TARIKH : **3 JULAI 2019**

SOALAN NO 169

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan asing yang dibawa keluar semula bagi tahun 2019 (sehingga suku kedua) dan apakah faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak tiga projek pelaburan langsung asing (*foreign direct investment* - FDI) dalam sektor perkilangan dengan nilai pelaburan berjumlah RM34.7 juta telah menutup, memberhenti atau memindahkan operasi perkilangan mereka dari negara ini dari Januari hingga Mac 2019 (data hingga suku kedua tahun 2019 masih belum dimuktamadkan).
2. Keputusan penutupan syarikat-syarikat ini adalah lebih menjurus kepada keputusan perniagaan. Antara faktor yang menyebabkan pelabur asing menarik keluar pelaburan mereka dari Malaysia termasuklah:
 - (i) ketidaktentuan pasaran serta penguncupan ekonomi global menyebabkan para pelabur terpaksa menstruktur semula syarikat serta strategi perniagaan mereka dan mengambil keputusan untuk menarik keluar pelaburan mereka di luar negara termasuk di Malaysia;

- (ii) peralihan teknologi ke era digital dan Industri 4.0 menyebabkan pelabur-pelabur, terutamanya dalam projek berintensifkan buruh, tidak dapat menyesuaikan operasi syarikat dengan perubahan ini serta mengalami kesukaran untuk mengekalkan keuntungan jangka masa panjang di negara ini;
- (iii) peningkatan kos buruh di Malaysia, di mana sebahagian pelabur asing terutamanya membabitkan industri-industri yang berintensifkan buruh bertindak menarik keluar pelaburan mereka di Malaysia; dan
- (iv) Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang menuju ke arah negara maju telah mengambil pendekatan untuk memberi tumpuan kepada pelaburan berkualiti dan berteknologi tinggi. Hal ini telah memberi kesan kepada projek-projek yang tidak berintensif teknologi tinggi untuk terus beroperasi dan bersaing di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Untuk makluman, ketiga-tiga syarikat ini bekerjasama dengan Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) dan syarikat-syarikat lain bagi menyediakan penempatan pekerjaan bagi pekerja yang diberhentikan. Selain daripada menawarkan pakej pampasan, mereka juga bekerjasama dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad untuk membantu pekerja yang diberhentikan untuk menyertai program latihan kemahiran yang sesuai melalui *HRDF Outplacement Centre*. Di bawah skim ini, pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja akan dilengkapi dengan kemahiran industri tambahan atau kelayakan yang diperlukan untuk membolehkan mereka bekerja semula atau bekerja sendiri (*self employed*).

Sekian, terima kasih